

Headline	UUM, Istana Budaya anjur Konsert Gemilang		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	20 May 2013	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	20	ArticleSize	260 cm ²
AdValue	RM 5,139	PR Value	RM 15,416



UUM, Istana Budaya anjur Konsert Gemilang

UNIVERSITI Utara Malaysia (UUM) telah menganjurkan Konsert Gemilang sempena Hari Pengasasan Ke-29 kampus itu di Dewan Mu'adzam Shah UUM baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), **Prof. Madya Dr. Abdul Malek Karim** berkata, konsert kali ini lebih bertena dengan jalinan kerjasama antara Istana Budaya dan artis yang dijemput menjayakannya iaitu **Black, Adira dan Nora**.

"Konsert diserikan dengan persembahan artis tanah air, pemuzik dan artis Istana Budaya serta penampilan pelajar dan staf UUM juga," ujarnya pada sidang akhbar yang diadakan di Istana Budaya.

Dr. Malek berkata, walaupun UUM tidak mempunyai program kesenian yang ditawarkan dalam pengajiannya namun Pusat Budaya dan Seni tidak ketinggalan memainkan peranan aktif dalam membangun serta membimbing mahasiswa yang berketrampilan dalam bidang seni.

"Universiti Pengurusan mereka juga perlu mengetahui bagaimana proses mengendalikn program kesenian oleh

itu gabungan dengan Istana Budaya ini

sudah cukup untuk membantu mereka mempraktikkan bidang praktikal selepas teori dipelajari di bilik kuliah," katanya.

Beliau juga memuji pihak Istana Budaya kerana bukan sahaja memberi kerjasama kepada UUM malah turut menawarkan latihan industri kepada mahasiswa yang berminat.

Istana Budaya menyajikan

persembahan kebudayaan dan Orkestra disamping mengiringi staf Pusat Budaya dan Seni UUM, **Sukena Md. Arif** yang mendendangkan beberapa buah lagu.

Dalam pada itu Ketua Pengarah Istana Budaya, **Datuk Mohamed Juhari Shaarani** berkata, pihaknya menghargai kesungguhan UM menjadikan industri seni khususnya bertapak di universiti itu.

"Saya melihat perkembangan dalam bidang seni juga memerlukan perhatian kerana kepengurusan dalam menganjurkan program juga memerlukan graduan dari universiti sekaligus dapat memartabatkan bidang seni tanah air juga," ujarnya lagi.



ABDUL Malek dan Mohamed Juhari bersama dengan kakitangan dan pelajar UUM yang menjayakan Konsert Gemilang baru-baru ini.